

FLUCIDERM CREAM

Fluocinolone Acetonide (0.025% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan FLUCIDERM CREAM
2. Bagaimana FLUCIDERM CREAM berfungsi
3. Sebelum mengambil FLUCIDERM CREAM
4. Cara menggunakan FLUCIDERM CREAM
5. Semasa menggunakan FLUCIDERM CREAM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan FLUCIDERM CREAM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang FLUCIDERM CREAM. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil FLUCIDERM CREAM berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan FLUCIDERM CREAM

FLUCIDERM CREAM digunakan untuk merawat penyakit kulit yang menunjukkan ciri radang/inflamasi. Masalah kulit ini responsif terhadap kortikosteroid, termasuk psoriasis, dermatitis atopik kronik, neurodermatitis, ekzema, *seborrhoeic dermatitis* dan dermatitis sentuh.

Bagaimana FLUCIDERM CREAM berfungsi?

FLUCIDERM CREAM mengandungi ubat yang dipanggil Fluocinolone Acetonide. Fluocinolone Acetonide ialah kortikosteroid yang mempunyai tindakan anti-inflamatori, anti kegatalan dan pengecutan salur darah.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Sebelum menggunakan FLUCIDERM CREAM

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan FLUCIDERM CREAM sekiranya:

- Anda alergi (hipersensitif) terhadap *Fluocinolone Acetonide*, kortikosteroid yang lain atau apa-apa bahan dalam ubat ini.
- Anda mempunyai jangkitan virus pada kulit, batuk kering dan jerawat.

-Sebelum menggunakan Fluciderm Cream

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda jika anda menggunakan mana-mana produk kulit.

Kehamilan dan penyusuan:

- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum penggunaan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusui.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang

dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

Cara menggunakan FLUCIDERM CREAM

Selalu menggunakan FLUCIDERM CREAM seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa banyak harus digunakan

Sapukan satu lapisan nipis FLUCIDERM CREAM dan gosok pada bahagian kulit yang terjejas, sekali atau dua kali sehari, sebagaimana yang diarahkan oleh doktor atau farmasi.

-Bila perlu digunakan

Guna ubat apabila kawasan yang terjejas telah kering dan bersih.

-Berapa lama perlu digunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi mengenai tempoh rawatan.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatnya dan seterusnya gunakan seperti biasa. Jangan menggandakan dos untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Steroid boleh meresap melalui kulit anda. Terlalu banyak FLUCIDERM CREAM yang meresap melalui kulit anda boleh menghasilkan kesan sistemik seperti penekanan kelenjar adrenal, manifestasi daripada sindrom Cushing, peningkatan paras gula dalam darah dan kehadiran gula dalam air kencing.

Jika anda mengguna terlalu banyak ubat ini, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda. Bawa sebarang baki ubat bersama anda.

Semasa menggunakan FLUCIDERM CREAM

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan penggunaan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang menggunakan FLUCIDERM CREAM

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan lebih daripada dos yang disarankan melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

Tidak boleh digunakan di dalam mata.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Hentikan penggunaan jika berlaku kerengsaan atau sensitiviti.

Langkah berjaga-jaga yang sesuai perlu diambil semasa rawatan yang berpanjangan, apabila merawat kawasan permukaan badan yang luas, apabila menggunakan teknik oklusif dan apabila merawat kanak-kanak (disebabkan nisbah jumlah luas permukaan kepada berat badan yang lebih besar).

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh mendatangkan kesan sampingan. FLUCIDERM CREAM boleh mendatangkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Reaksi advers tempatan yang dilaporkan termasuk rasa pedih, rasa gatal-gatal, perengsaan, kekeringan, radang folikel rambut, pertumbuhan rambut yang tidak normal, pertumbuhan jerawat, pengurangan pigmentasi, warna kulit menjadi

lembut, jangkitan sekunder, kulit menipis, tanda regangan dan ruam panas.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan FLUCIDERM CREAM

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Tutup dengan rapat dan betul. Lindungi daripada cahaya terik. Jauhi daripada kanak-kanak.

Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna FLUCIDERM CREAM

FLUCIDERM CREAM adalah krim putih dan boleh didapati dalam 15g tiub aluminium.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:
Fluocinolone Acetonide 0.025% w/w

Bahan-bahan tidak aktif:
White Soft Paraffin, Liquid Paraffin, Chlorocresol, Propylene Glycol, Cetostearyl Alcohol, Cetomacrogol 1000, Monobasic Sodium Phosphate, Phosphoric Acid 85% dan Purified Water.

-Nombor MAL: MAL19913400A

Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

11/12/2015

Nombor siri:

BPFK(R4/1)160216/00036